



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

AMERIKA SYARIKAT TAWAR LATIHAN DALAM BIDANG PERTANIAN KEPADA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 MAC 2023 – YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Brian D. McFeeters, Duta Besar Amerika Syarikat di Malaysia pada 1 Mac 2023 di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Pertemuan kali pertama antara kedua-dua pemimpin ini bagi memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pertanian yang telah lama terjalin. Isu sekuriti makanan dan kerjasama teknikal antara perkara yang telah dibincangkan.

Dalam pertemuan ini, Mohamad menekankan tentang isu yang menjejaskan sekuriti makanan di negara ini merupakan isu global dan turut menjejaskan negara lain. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kedua-dua negara bekerjasama untuk meningkatkan penghasilan makanan melalui penggunaan teknologi pintar dan kecerdasan buatan (AI). Amerika Syarikat menyatakan komitmennya dengan menawarkan pelbagai program latihan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang pertanian yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia.

Kedua-dua negara turut bersedia untuk memperkukuhkan kerjasama perdagangan dalam sektor pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Amerika Syarikat merupakan rakan dagang pertanian berpotensi tinggi untuk terus diperkembangkan. Untuk rekod, terdapat peningkatan nilai dagangan pertanian antara Malaysia dengan Amerika Syarikat bagi tempoh Januari hingga November 2022 iaitu RM13.24 bilion berbanding RM12.55 bilion pada tahun 2021.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KPKM serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Malaysia.